

# Cabutan Gigi

---

## Latar belakang

Kebanyakan gigi perlu dicabut kerana mengalami kerosakan yang teruk atau penyakit gusi. Cabutan gigi yang dilakukan di klinik pergigian adalah rawatan yang selamat dan tidak sukar jika mengikut prosedur.



Cabutan gigi geraham

## Apakah yang perlu anda lakukan sebelum cabutan gigi?

Beberapa perkara yang anda perlu beri perhatian;

►Sebelum ke klinik, pastikan anda

- makan terlebih dahulu.
- ambil ubat-ubatan yang perlu, contoh untuk penyakit diabetes

►Semasa rawatan pula

- beritahu doktor pergigian jika anda mempunyai sebarang masalah perubatan
- sentiasa bertenang

## Apakah yang perlu anda lakukan selepas cabutan gigi?

►Lakukan perkara berikut:

- letakkan dan gigit kain kasa yang diberikan ke atas bekas cabutan (soket gigi) selama 10 minit atau sehingga darah berhenti.
- telan air liur yang terdapat dalam mulut.
- ambil ubat-ubatan seperti yang diarah.

►Elakan perkara berikut:

- berkumur-kumur dalam tempoh 24 jam.
- usik bekas cabutan dengan lidah atau jari.
- ambil makanan atau minuman yang panas.
- lakukan senaman berat.
- merokok.

## **Komplikasi yang mungkin berlaku selepas cabutan gigi**

Biasanya bekas cabutan akan pulih dalam tempoh 3-7 hari. Walaubagaimanapun, komplikasi berikut boleh berlaku:

- kesakitan yang berpanjangan.
- bengkak pada bekas cabutan.
- rasa kebas yang berpanjangan.
- pendarahan berpanjangan atau berulang.
- bekas cabutan lambat sembuh.
- demam

Dapatkan nasihat dan rawatan daripada doktor pergigian secepat mungkin sekiranya mengalami komplikasi seperti di atas.